

Favelle Favco Cranes yakin jualan kren meningkat 30%

UM 29 MAR

KLANG 28 Mac — Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Muhibbah Engineering Bhd. (Muhibbah) yakin jualan krennya akan meningkat lebih 30 peratus tahun ini, setelah mencatat jualan bernilai RM180 juta tahun lalu.

Pengerusi Muhibbah, Mohamad Taib Ibrahim berkata, keyakinan itu berdasarkan tahap 'sibuk' pihaknya memenuhi tempahan-tempahan yang perlu disiapkan pada tahun ini.

"Kami sangat sibuk sekarang ini dan jualan dengan mudah dijangka meningkat lebih 30 peratus," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran anak syarikat Muhibbah itu di sini hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Favelle Favco merupakan sebuah darindada lima syarikat pengeluar kren terbesar dunia dengan kilang pengeluaran di Australia, Denmark, Amerika Syarikat, Amerika Selatan dan Mexico.

Mohamad Taib juga berkata, pihaknya akan bekerja keras untuk meningkatkan jualan kren keluaran syarikat itu kepada pengguna-pengguna di dalam negara.

Beliau berkata, walaupun kren Favelle Favco mendapat sambutan amat baik di luar negara namun jualan di dalam negara adalah sangat kecil iaitu kurang daripada lima peratus.

Menurut beliau, salah sa-

tu faktor yang menjadi penghalang ialah wujudnya banyak kren terpakai yang diimport ke negara ini tanpa sijil pengesahan.

Katanya, faktor harga kren import yang lebih murah sekitar lima hingga 10 peratus juga menjadi penghalang kepada peningkatan jualan dalam negara.

Beliau menyeru para pengguna kren dalam negara supaya melihat dari segi keuntungan negara dengan mendapatkan bekalan dari pengeluar tempatan berdasarkan aktiviti ekonomi yang dapat dijana.

"Harga kren tempatan yang berkualiti tinggi ini lebih mahal sedikit tetapi ia membolehkan satu jalinan aktiviti ekonomi dihidupkan termasuk dari segi pekerjaan, pendapatan yang

dikenakan cukai dan lain-lain," katanya.

Mohamad Taib menambah, industri kren tempatan mempunyai nilai yang besar termasuk kren perkapalan yang dianggarkan bernilai RM2 bilion dalam lima tahun akan datang.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu beliau berkata, kerajaan perlu menimbangkan untuk penyediaan satu dana khas untuk membantu industri pemesisan dan peralatan.

Dengan adanya dana khas itu katanya, syarikat-syarikat seperti Favelle Favco dapat mengembangkan aktiviti mereka termasuk melalui pinjaman pada kadar yang munasabah dari institusi-institusi kewangan tempatan.